



Dr Azman (dua dari kiri) bersama-sama Zulkifli (tiga dari kanan) dan Che Mat (tiga dari kiri) menunjukkan aplikasi MyEMA di USIM, baru-baru ini.

# Aplikasi MyEMA kesan peniaga bermasalah

Oleh Melissa Nabila Mustain  
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

**A**geni pembiayaan kini boleh memantau prestasi perniagaan peminjam, sama ada mencatatkan keuntungan atau kerugian dengan menggunakan aplikasi MyEMA.

MyEMA (*Entrepreneurship Monitoring Apps*) yang diperkenalkan oleh Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut membolehkan agensi berkenaan mengenal pasti lebih awal peniaga yang bermasalah dan membantu mereka.

Pensyarah Kanan FSU USIM, Dr Azman Ab Rahman, berkata kaedah pemantauan menjadi isu utama bagi sesetengah agensi yang mengeluarkan pinjaman kepada peniaga.

Katanya, hal ini mendorong kepada penciptaan aplikasi MyEMA, bertujuan mengurangkan dan mengatasi masalah itu kerana membolehkan agensi pembiayaan mengetahui prestasi perniagaan peminjam secara sistematik.

"Aplikasi itu dimuat turun menggunakan telefon bimbit dengan peniaga perlu memasukkan jumlah keuntungan dan kerugian perniagaan setiap hari.

"Jika berada pada tahap kerugian, agensi pembiayaan boleh mengenal pasti

masalah yang dihadapi dan mengambil tindakan dengan segera," katanya pada majlis pelancaran MyEMA oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri pada Seminar Pembentukan Semula Hala Tuju Kutipan dan Agihan Zakat di USIM di sini, baru-baru ini.

## Khidmat nasihat

Dr Azman berkata, agensi pembiayaan boleh memberi khidmat nasihat dan motivasi perniagaan menggunakan aplikasi itu, sekaligus memudahkan dan mengurangkan kos.

Selain itu, katanya bimbingan yang berterusan boleh dilakukan melalui modul usahawan yang dimajukan oleh FSU.

Setakat ini, katanya pe-

nemuan ini sudah dibentangkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Sementara itu, Pengerusi Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Datuk Che Mat Che Ali, menyambut baik penggunaan aplikasi itu yang mampu meningkatkan kecekapan pemantauan terhadap penerima bantuan kewangan.

"Saya melihat aplikasi ini juga mampu mengurangkan isu penyalahgunaan bantuan kewangan kerana segala urusan niaga harian dicatatkan dan diketahui oleh agensi pembiayaan," katanya.

“  
JIKA BERADA  
PADA TAHAP  
KERUGIAN,  
AGENSI  
PEMBIA-  
YAN BOLEH  
MENGENAL  
PASTI  
MASALAH YANG  
DIHADAPI DAN  
MENGAMBIL  
TINDAKAN  
DENGAN  
SEGERA”

Dr Azman Ab Rahman,  
Pensyarah Kanan FSU USIM